



Kerjasama DOSM-SESRIC akan perkukuh pembangunan kapasiti statistik

KUALA LUMPUR, 11 Okt -- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memperkuatkan kerjasamanya dengan Pusat Penyelidikan dan Latihan Statistik, Ekonomi dan Sosial bagi Negara-negara Islam (SESRIC) menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pembangunan kapasiti statistik.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata MoU itu ditandatangani untuk memperkasakan Sistem Statistik Negara (NSS) bagi anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

“MoU tersebut adalah manifestasi usaha Malaysia untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa menerusi pertukaran pengetahuan dan kepakaran, khususnya membantu anggota OIC memajukan statistik rasmi dalam memastikan Agenda 2030 ‘Tiada Pihak yang Tertinggal’.

“Setakat ini, Malaysia merupakan antara negara terkemuka yang menyediakan kepakaran dan akan meneruskan komitmen kita ke arah sistem statistik yang lebih berkesan,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Baru-baru ini, SESRIC menganjurkan Sesi Suruhanjaya Statistik OIC (OIC-StatCom) ke-10 dan meraih 86 peserta dari Pejabat Perangkaan Negara (NSO) dari 33 negara OIC selain 11 wakil antarabangsa dan organisasi serantau.

Acara secara dalam talian itu menekankan kepentingan pembelajaran dan pertukaran pengetahuan antara negara anggota pertubuhan untuk menghasilkan data yang berkualiti tinggi bagi tujuan membantu dalam membuat keputusan yang lebih baik.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2012522>